

Dr. M ajak dunia basmi kemiskinan

UM 6 OCT 1988

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, New York, 5 Okt. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak masyarakat dunia membasmi kemiskinan dengan menubuhkan satu perbadanan pelbagai negara khusus untuk mengatasi masalah itu.

"Peradaban masa kini akan dikutuk oleh generasi akan datang jika kita berjaya menghantar manusia ke bulan tetapi kita tidak mampu membantu yang miskin di bumi, sedangkan kosnya terlalu kecil," tegas Perdana Menteri dalam ucapan keempatnya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) di sini.

Penekanan beliau mengenai kemiskinan itu di arena masyarakat antarabangsa disambut baik oleh para perwakilan negara - negara asing yang didapati memberi perhatian penuh selama 40 minit Perdana Menteri berucap.

"Kita memang mengambil berat mengenai jurang perbezaan di antara kekayaan dan kemiskinan dalam mana-mana negara, tetapi dalam sesetengah negara, tidak ada jurang perbezaan kerana kesemua penduduknya miskin belaka," tegasnya.

Dari
Zulkafly Baharuddin

Perdana Menteri menyebut, kalau ditanya untuk membayangkan bagaimanakah kemiskinan dalam setengah negara miskin, agak sukar untuk membayangkan dengan tepat.

Tetapi, kita tidak perlu membayangkannya, kerana hari ini kemiskinan ditonjol sepenuhnya dalam bentuk warna-warni dan bunyi, sejauh mananya dan kesengsarannya.

"Kita dapat lihat lalat mengerumuni kanak - kanak, badan kurus kering dan tidak bermaya. Kita dapat lihat manusia yang derita kesakitan dan kita bertanya bagaimana mereka masih dapat hidup," kata Perdana Menteri.

"Meskipun kita perlu membelanjakan beribu juta dolar untuk senjata, memelihara keindahan alam semulajadi, pohon - pohon dan hutan dan sebagainya yang kita anggap dapat meningkatkan kualiti hidup, kita tidak mempunyai alasan pada masa dan zaman ini membiarkan kemiskinan menimpa berjuta insan," tegas beliau.

Perdana Menteri menegaskan, usaha amal yang dijalankan secara *ad-hoc* tidak mencukupi untuk mengatasi tugas yang besar itu.

"Jawapannya terletak dalam satu badan yang menjalankan tugas sepenuh masa dengan tenaga yang mencukupi bagi menentangi kemiskinan," katanya.

Bila ditanya oleh para wartawan tempatan mengenai cadangannya itu, Perdana Menteri berkata: "Kita memerlukan satu perbadanan yang *multi-nasional* yang bertujuan khusus mengatasi kemiskinan dan pembangunan.

Menyentuh demokrasi, Perdana Menteri menegaskan tiada satu negara pun di dunia ini yang mempunyai monopoli menetapkan corak demokrasi yang patut diadalkan oleh yang lain.

"Sudah tentu tidak ada seorang pun yang sepatutnya memaksa pilihan dan intepretasinya ke atas orang lain," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ketidakadilan adalah masalah bagi masyarakat manusia dan demokrasi, yang dianggap dihargai ramai, adalah berkaitan dengan keadilan dan persamaan.

Manakala kerajaan - kerajaan digesa untuk mengamalkan demokrasi, demokrasi tidak diamalkan dalam hubungan antara negara di

LIHAT MUKA 2

Dr. Mahathir ajak basmi kemiskinan

mana negara yang kuat dan kaya mengambil kesempatan mereka yang lemah dan miskin.

"Tidak ada keadilan dalam hal ini," tegas Perdana Menteri.

Katanya, perkara itu tidak sahaja berlaku dalam hal ekonomi tetapi juga dalam hal politik di mana pelbagai ideologi dan falsafah dan juga sistem nilai dipaksa ke atas negara - negara lemah atas nama demokrasi.

"Sebagai mana pendakwah fanatik, negara - negara yang dikatakan memperjuangkan demokrasi tidak segan silu

menggunakan cara-cara yang tidak demokratik memaksa corak demokrasi mereka ke atas negara - negara yang lemah dan yang miskin.

Keengganan akan menyebabkan pelbagai tekanan politik dan ekonomi," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Katanya, manakala kekerasan mungkin boleh digunakan untuk memaksa pemerintahan diketator untuk tunduk kepada tekanan demokrasi, "amat tragis sekali jika sebuah negara yang berjalannya baik dan mewah dihancurkan kerana ada

yang melantik dirinya sebagai demokrasinya. Merasakan negara itu tidak cukup demokrasinya.

"Sikap saya lebih baik dari anda tidak secocok dengan amalan - amalan sosial dan moral zaman ini."

"Demokrasi negara - negara Barat mengambil masa beratus tahun untuk dibentuk. Janganlah harapkan kawasan - kawasan yang dijajah secara otokratik selama beberapa abad mengamalkan demokrasi yang unggul serta - merta," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.